



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	11/7/2017
JABATAN	:	UMUM
KLASIFIKASI	:	<b>MAKLUMAN</b>

# MBJB sedia RM13 juta selenggara 450,000 pokok

**Johor Bahru:** Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) memperuntukkan RM13 juta setahun bagi menjalankan aktiviti pemangksan dan penyelenggaraan pokok di sekitar kawasan pentadbirannya.

Datuk Bandar, A Rahim Nin, berkata lebih 450,000 pokok yang perlu diselenggara khususnya pokok teduhan dengan 26 kontraktor

yang dilantik bagi menguruskan-nya untuk kesejahteraan dan keselamatan penduduk.

“Kepentingan mempunyai kontraktor dan perancangan berkualiti secara tidak langsung dapat memenuhi permintaan awam, sekali gus memastikan pengurusan pokok ameni di bandar raya Johor Bahru menjadi lebih baik.

“Kegagalan memahami garis panduan kerja penyelenggaraan, pengurusan dan penjagaan pokok akan terdedah kepada risiko kemalangan, sekali gus menyebabkan pokok berkenaan hilang ben-tuk asalnya” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Seminar Arborikultur: Perancangan dan Pengurusan Pokok

Ameni di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Whip Ahli Majlis MBJB, Ang Boon Heng.

## 200 sertai seminar

### tatacara arborikultur

Pada majlis itu, lebih 200 peserta menyertai seminar tiga hari bermula semalam bertujuan memanfaatkan ilmu dalam usaha me-

ngurangkan ksilapan bagi pengamalan tatacara arborikultur terbaik untuk pokok perbandaran itu.

Antara perkara yang dititikberatkan sepanjang seminar adalah teknik pemangkasan bagi memastikan kesuburan dan meningkatkan nilai estetik pokok, sekali gus persekitaran landskap akan lebih terpelihara.